




Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku




Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810



Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Illahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Pasti Ada Minatku

Asma Nadia Z.R.

Pengurusan Sains Maklumat, KPPIM, UiTM Cawangan Kedah

“Nunul suka membaca?” tanya Yaya kepada Nunul. “Tak”, jawab Nunul ringkas. “Membacakan bagus. Macam-macam jenis buku ada. Kenapa Nunul tak suka?”, tanya Yaya lagi. Nunul membalas dalam nada mengeluh, “sebab saya tak jumpa pun buku yang bagus”.

Nunul tidak minat membaca berkemungkinan disebabkan tidak jumpa bahan bacaan yang sesuai dengan minat beliau. Nunul mungkin salah seorang daripada kita. Yang ingin mula pupuk jiwa membaca, tapi seringkali memilih bahan yang tidak sesuai atau serasi dengan jiwa. Bila jiwa tidak serasi, minat pun terhenti.

Kenapa pula Yaya suka membaca? Sebab mungkin dari awalnya beliau sudah dapat bahan bacaan yang kena dengan jiwanya. Untuk membudayakan amalan membaca, mulakanlah membaca bahan yang kita minat. Lama-kelamaan minat membaca itu akan menjadi budaya dalam hidup kita.

Membaca ini indah. Membaca ini mudah. Sedari awal zaman kanak-kanak lagi kita memang telah diperkenalkan dengan macam-macam jenis buku. Yalah, manakan tidak, ‘melentur buluh, biarlah dari rebungunya’. Hendak memupuk minat membaca, perlulah dari seawal usia. Sebagai contoh dalam cerita animasi Malaysia yang tidak asing lagi, iaitu Upin-Ipin, watak Jarjit yang sangat suka dengan buku-buku peribahasa, ditunjukkan setiap watak kanak-kanak dalam cerita ini sangat suka membaca.

Setiap daripada kita ada genre tersendiri dan pilihan kita untuk membaca koleksi bahan yang bagaimana kita suka daripada buku mewarna, buku cerita, buku berkaitan akademik dan lain-lain lagi. Mungkin ada sesetengah daripada kita hingga sekarang suka buku mewarna, mungkin juga ada yang suka genre pelbagai seperti sastera, seram, romantik dan banyak lagi. Tambahan pula dengan peredaran dunia masa kini dengan buku elektronik, atas talian dan lain-lain lagi.

Buku sejarah banyak menceritakan peristiwa-peristiwa yang pernah terjadi sebelum ini. Untuk apa dibukukan? Setiap sejarah ada pengajarannya supaya sejarah yang hitam tidak akan diulang lagi oleh generasi akan datang. Sejarah diceritakan dan dibukukan supaya tetap menjadi rujukan dan pengetahuan generasi mendatang. Jika sejarah tidak dicatatkan, nescaya hilanglah susun atur jejalar peristiwa yang pernah berlaku.

Begitu juga buku sirah, yang menceritakan sejarah dunia Islam yang pernah terjadi suatu ketika dahulu. Zaman persekolahan hujung 1990-an, kebanyakan sekolah sudah ada pusat sumber atau perpustakaan sekolah. Mengimbau kenangan pada zaman itu, suka sekali pada waktu rehat untuk ke pusat sumber untuk membaca koleksi buku sirah yang ada. Buku berkulit tebal, bewarna kuning seakan jingga sedikit, dan mempunyai beberapa jilid. Setiap jilid menceritakan pelbagai kisah sirah dan yang paling penting, ada gambar ilustrasi pada setiap helaian.

Sempat dihabiskan satu jilid sewaktu rehat. Mujurlah satu jilid tersebut tidaklah setebal karya novel. Kenapa tak meminjam saja buku? Takut sebenarnya pada masa itu hendak meminjam buku. Bukan sebab takut lewat dipulangkan dan didenda, tapi takut buku tersebut rosak dan hilang. Yang paling seronok, bila dilantik jadi pengawas pusat sumber, dapatlah keluar rehat awal dan habiskan masa lebih lama di pusat sumber.

Buku fiksyen pula, seronok saja kalau jalan penceritaan dan genre itu kena dengan jiwa. Salah satu penulis buku fiksyen yang digemari ialah Ramlee Awang Murshid. Genre penulisan beliau ke arah cerita seram dan jenayah, betul-betul kena dengan minat. Buku beliau yang pertama dibaca adalah A.D.A.M., kulit buku bewarna kuning, setebal novel-novel biasa, dengan harga yang mampu milik untuk anak remaja ketika itu. Kisah penceritaan yang mendebarkan dan penuh patriotik, sesuai dengan tajuk buku tersebut ADAM atau singkatan kepada 'Aku Darah Anak Malaysia'.

Untuk setiap pembacaan, lebih menarik kalau kita dapat gambarkan. Begitu juga buku ADAM ini. Disebabkan diri ini memang suka filem-filem aksi dan jenayah sebegitu, dapatlah melayan gambaran dalam minda sambil membaca sehingga habis. Satu lagi hasil nukilan beliau yang sangat diminati adalah Satu Janji. Seronok dalam membaca itu datang apabila kita dapat membayangkan setiap butiran penceritaan terutama berkenaan tempat. Seakan-akan kita berada di situ. Dalam novel Satu Janji ada menyebut sebuah tempat di Sabah, Kundasang. Pada tahun buku itu diterbitkan, iaitu 2003, akses kepada internet tidaklah mudah untuk semua. Namun, butiran yang diceritakan penulis, amat jelas dan sampai untuk kita bayangkan berada di tempat tersebut.

Ini juga merupakan antara buku novel yang habis dibaca. Banyak lagi karya-karya beliau seperti Pei Pan, Mandatori, Semangat Hutan dan lain-lain lagi. Salah satu hasil karya beliau yang telah ke layar seni adalah Tombiruo yang dihasilkan pada tahun 1998 yang mana telah dijadikan sebuah filem aksi yang mendebarkan penonton di Malaysia pada tahun 2017. Sebelum berjumpa dengan buku karya sebegini, pernah juga cuba membaca novel-novel karya penulis lain, cuma genrenya tidak serasi dengan minat, maka tidaklah habis dibaca novel tersebut. Mujur saja tidak jadi seperti Nunul. Kalau tidak, pasti sudah terkubur minat membaca. Seperti mana J.K Rowling pernah nyatakan, 'kalau kamu tidak suka apa yang dibaca, kamu belum jumpa buku yang betul untuk kamu'.

Kalau ditanya bagaimana sebuah karya itu dapat dinilai kualitinya, ia adalah terpulang kepada pembaca karya itu sendiri untuk menilai berdasarkan minat masing-masing. Sebagaimana 'cantik' itu adalah subjektif, terpulang kepada kita untuk menilai karya mana paling terbaik mengikut minat kita. Barangkali sekiranya ditanya kepada generasi yang lebih berusia, lain genre bacaan yang diminati mereka. Ditanya pula pada generasi muda kini, lain pula minatnya. Yang penting, kita ada pilihan kita masing-masing dalam memilih bahan bacaan kita.

Buku ini ibarat santunan jiwa kita. Mengapa agaknya? Sebab ada dalam kalangan kita yang akan memilih membaca buku sebagai kaedah mengurangkan 'stress' atau tekanan. Ini boleh dirujuk sebagai kaedah biblioterapi atau terapi buku. Sesuai dengan nama, kaedah terapi ini menggunakan buku untuk membantu mengurangkan tekanan, menstabilkan emosi, dan banyak lagi manfaat yang lain. Kaedah terapi buku ini bukanlah elemen baharu dalam kalangan masyarakat kita hari ini. Harian Metro pernah membuat ulasan yang bertajuk 'Biblioterapi tangani kemurungan' pada Julai 2021. Manakala Sinar harian pula menyiarkan penulisan bertajuk 'Kreativiti dan kuasa biblioterapi' pada November 2021.

Boleh jadi hanya dengan membaca karya yang ringkas seperti kata-kata motivasi, puisi, sajak, berita, mahupun karya berat seperti novel, fakta sejarah dan sebagainya, dapat membantu otak kita berfikir dengan lebih baik dan memfokuskan semula minda kita untuk lebih

kreatif. Mungkin dalam kesibukan harian kita dengan pelbagai aktiviti lain, boleh juga kita selitkan 10 minit untuk masa bacaan ringan bagi merehatkan minda sebentar. Pilihlah buku-buku yang dapat menaikkan semangat dan motivasi diri supaya dapat juga memberi impak tambahan yang lebih baik. Tapi ada juga yang minatnya mungkin kearah komik, tak salah juga untuk dijadikan bahan bacaan terapi anda.

Dengan peredaran masa, yang rata-rata kini lebih banyak menggunakan teknologi seperti telefon pintar bagi mengakses bahan bacaan atas talian, berkomunikasi dan sebagainya. Sudah tentu menjadi lebih sukar bagi kita untuk memegang sebuah buku untuk ke mana-mana. Bagi yang lebih selesa untuk membaca secara digital, tidak salahpun untuk membaca bahan digital yang lebih mudah diakses secara langsung daripada peranti digital tersebut. Bahkan, sejak dunia yang pernah dilanda pandemik Covid-19 sebelum ini, kini banyak bahan bacaan telah tersedia dalam bentuk digital. Sebagai contoh, pihak Perpustakaan Negara Malaysia ada menyediakan koleksi digital yang boleh diperolehi secara terus daripada u-Pustaka atau laman sesawang mereka. Banyak lagi laman sesawang lain yang juga turut menyediakan buku digital (e-book) sama ada secara percuma, dan ada yang berbayar.

Tidaklah menjadi alasan lagi untuk kita tinggalkan terus membaca buku dalam kesibukan kita seharian. Cuma, ya, lebih mudah memberi 1001 alasan berbanding membuat satu usaha yang berterusan. Tak mengapalah, baik mulakan satu langkah kehadapan, supaya kita yang hari ini lebih baik daripada kita yang semalam. Buku yang dibaca, walaupun hanya fiksyen, pasti ada nilai murni yang cuba disampaikan, apatah lagi kalau buku ilmiah. Pepatah Melayu ada mengatakan, 'jauh berjalan luas pengalaman, banyak membaca luas pengetahuan'.


"Nunul, kita baca buku sama-sama nak? Yang ni bagus ceritanya." Yaya cuba mengajak Nunul. Selepas beberapa ketika, Nunul mengulas, "betulh Yaya, saya tak patut berhenti terus membaca. Patutnya saya terus lagi cari buku yang sesuai dengan saya. Buku ni betul bagus. Jom baca lagi Yaya." "Jom!" jawab Yaya ringkas, sambil tersenyum. Teruskanlah membaca, hingga kita jumpa santunan jiwa kita.

*Aku dan buku,
Minat belum bertemu,
Dalam penceritaan yang kaku,
Ke penghujung yang keliru,
Sampai akhir ku buntu.*

*Aku dan buku,
Bibit minat datang bertemu,
Dalam sebuah penceritaan baharu,
Kepada pengakhiran ada hala tuju,
Ku teruskan ke lembaran baharu.*


*Aku dan buku,
Pasti ada minatku,
Dalam mencari santunan jiwaku,
Kepada ketenangan dalam diriku
Inilah kisah, aku dan buku.*

Asma Nadia Z.R. (2024)



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

